

♥07/06/13-23MST

Berikut ialah berita penuh dengan tambahan fakta:

LEAD Mahathir - Doktor (Menggantikan berita awal) '''

SUBANG, 7 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan kerajaan membenarkan doktor-doktor asing menjalankan praktik di negara ini.

Perdana Menteri, bagaimanapun, berkata syarat-syarat tertentu mungkin dikenakan bagi melindungi pesakit dan para doktor tempatan.

Satu kajian akan dibuat berhubung dengan perkara itu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Obstetrik dan Ginekologi Malaysia, yang kedua di sini.

Beliau berkata, doktor-doktor asing itu mungkin dibenarkan bekerja di hospital swasta ataupun membuka klinik.

Ketika merasmikan kongres itu, beliau berkata, langkah itu bertujuan membantu mengatasi masalah kekurangan doktor tempatan dan bayaran perubatan yang tinggi dikenakan oleh klinik-klinik swasta sekarang.

Bayaran tinggi yang dikenakan oleh klinik-klinik swasta menyebabkan ramai pesakit yang tidak mampu, membanjiri hospital-hospital kerajaan, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, salah satu sebab doktor swasta dibayar gaji yang tinggi dan menarik ialah kerana dasar kerajaan yang tidak membenarkan doktor asing menjalankan praktik di klinik swasta. -- Lagi

♥07/06/13-06MST

CNS3936

U GB 07-06 00120 BA570

AAB

LEAD Mahathir - Doktor 2 Subang '''

Perdana Menteri berkata, ganjaran yang tinggi bagi doktor swasta menyebabkan kerajaan menghadapi masalah mengekalkan doktor-doktor dalam perkhidmatan awam.

+Imbangan antara pendapatan doktor dalam sektor awam dan swasta adalah perlu bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang setimpal,+ tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan mungkin mengambil doktor-doktor dari Asia dan Eropah.

(Pada masa sekarang, kerajaan mengambil doktor-doktor asing hanya untuk berkhidmat di hospital-hospital kerajaan bagi menampung kekurangan doktor tempatan. Kini, terdapat kira-kira 50 orang doktor asing berkhidmat di negara ini).

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan perubatan kerajaan tidak dapat bersaing dengan profesyen dalam sektor swasta walaupun kerajaan menyediakan beberapa kemudahan istimewa. -- Lagi

♥07/06/12-57MST

CNS3957

U GB 07-06 00157 BA576

AAB

LEAD Mahathir - Doktor 3 Subang

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Abdullah Abdul Rahman, yang turut hadir pada majlis itu ketika bercakap kepada pemberita berkata, beliau akan mengadakan perbincangan dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) mengenai perkara tersebut.

Perdana Menteri ketika berucap, juga berkata kerajaan akan berusaha menyediakan unit obstetrik dan ginekologi (O&G) yang lengkap di semua hospital mengikut kemampuan kewangan kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir, bagaimanapun berkata, pembinaan hospital-hospital besar dan lengkap dengan alat-alat dan teknologi moden bukanlah jawapan kepada usaha memperbaiki taraf kesihatan wanita dan mengurangkan kematian.

+Apa yang diperlukan ialah sistem penjagaan kesihatan asas yang kukuh dan berkualiti bagi ibu dan bayi, pendidikan kesihatan untuk wanita, dan perkhidmatan yang teratur dan bersesuaian di hospital bagi merawat wanita dan bayi yang memerlukan jagaan khas,+ katanya.

+Lebih-lebih lagi, sistem rawatan dan jagaan kesihatan mesti disediakan secara yang boleh diterima oleh masyarakat tempatan,+ kata beliau. -- Lagi

♥07/06/13-30MST

CNS3960

U GB 07-06 00109 BA577

AAB

LEAD Mahathir - Doktor 4 Subang

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, untuk membolehkan negara mencapai wawasan 2020 bagi menjadi negara maju, kesihatan unit keluarga perlu diperkukuhkan dalam semua aspek iaitu fizikal, mental dan sosial.

+Unit keluarga ialah asas kepada kesihatan dan pembangunan. Kita tidak mampu melahirkan generasi masa depan yang terperangkap dalam penyakit sosial, dan akibat gaya cara hidup sesetengah negara maju,+ katanya.

Kira-kira 300 orang pakar bidang O&G dan pembekal perkakas perubatan bidang berkenaan menghadiri kongres tiga hari itu.

Perkhidmatan bidang O&G melibatkan penjagaan ibu mengandung, selepas bersalin dan penjagaan bayi pada peringkat awal hayat. -- Bernama

♥07/06/13-38MST